

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Sabtu, 20 Januari 2018



Peruntukan Pesara PDRM Tanda Prihatin Kerajaan

Tarikh kemaskini: 20/01/2018



KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Peruntukan yang diberikan kepada pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan golongan itu dan keluarga mereka yang tidak lagi berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Menyambut baik perkara itu, bekas Ketua Polis Negara Tun Mohammed Hanif Omar berkata peruntukan itu mampu memberi manfaat kepada kira-kira 123,000 pesara PDRM di negara ini.

"...harga rumah yang berpatutan, kuota khas haji untuk pesara polis dan kemudahan saluran bantuan sememangnya yang kami harapkan sebagai bekas penjawat awam.

"Kalau ada mana-mana pihak yang mengatakan perkara tersebut seperti 'gula-gula' kerajaan menjelang Pilihan Raya Umum ke-14, pada saya itu tidak benar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melancarkan buku 'Golden 66: Golden Jubilee, Class of 1966 The Malay College Kuala Kangsar'

(MCKK) di Perpustakaan Negara Malaysia, hari ini.

Iasnin lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kerajaan akan memperuntukkan RM3 juta untuk Tabung Amanah Warisan Polis setiap tahun selama tempoh tiga tahun bagi membantu kebajikan pesara dan keluarga mereka selain memperuntukkan kuota khas haji.

Dalam pengumuman itu, sebahagian daripada 10,000 unit skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)-PDRM akan dikhaskan kepada pesara polis dan kemudahan penyaluran bantuan kepada mereka menerusi Bahagian Hal Ehwal Pesara Polis.

Mengenai majlis itu, Mohammed Hanif selaku Pengurus Lembaga Pengelola MCKK berkata pelancaran buku anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bertujuan berkongsi pengalaman mengenai kehidupan sebenar penulis yang pernah menuntut di MCKK.

Beliau berkata MCKK berjaya melahirkan ramai pemimpin kerajaan, tokoh korporat, tenaga kerja am dalam pelbagai bidang dan perkongsian pengalaman bekas penuntutnya dalam buku tersebut dapat dijadikan sebagai sumber inspirasi dan motivasi kepada generasi muda masa kini.

"Buku ini merakamkan pengalaman hidup dan suasana persekolahan bekas-bekas pelajar MCKK bermula tahun 1962 hingga 1968 yang tidak hanya fokus kepada bidang akademik sahaja malah pembentukan akhlak dan minda dalam kalangan pelajarnya," katanya.

-- BERNAMA